

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 63 ● 5 - 11 JUN 2020 ● PP19441/12/2018 (035014) PERCUMA

www.wilayahku.com.my



ANNUAR
bergambar
bersama Che Nah
di Jalan Setia Bakti,
Bukit Damansara 2
Jun lalu.

Perjuangan melawan miskin bandar, menteri 'hadiah' lesen penjaja

REZEKI CHE NAH

Oleh AINI MAWAWI
ainiwilayahku@gmail.com

KEIGIHAN seorang ibu tunggal berniaga nasi dagang di Jalan Setia Bakti, Bukit Damansara, Kuala Lumpur menjadi lambang perjuangan masyarakat bandar yang punya semangat untuk keluar daripada belenggu kemiskinan.

Kekentalan jiwa wanita separuh umur ini yang berniaga di bahu jalan mencuri tumpuan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan

Sri TPr Annuar Musa ketika beliau berjalan kaki melihat persekitaran kawasan kejiranannya tersebut baru-baru ini.

Annuar tweet gambar beliau bersama Che Nah yang berniaga nasi dagang menggunakan 'mini van' dengan kata-kata "Sambil merayau ternampak MINI FOODTRUCK KAK NAH..singgah borak..Tanya berapa lama dah niaga,katanya dah lama..Ada lesen kak?...tak Ada!!!ha ha..teruskan berniaga kak Nah. Semoga terus maju Cari rezeki... lesen boleh Di URUS nanti.."

Tanpa disangka rupanya tweet tersebut menjadi viral di kongsi orang ramai dalam media sosial termasuk Facebook dan WhatsApp.

Memahami kegigihan dan ketabahan Che Nah, Annuar sendiri mendapatkan lesen penjaja untuk Che Nah. Ia merupakan satu galakan kepada golongan penjaja kecil, yang berniaga di Wilayah Persekutuan untuk memohon lesen peniagaan masing-masing.

BERSAMBUNG KE MUKA 2

Beku lesen baru
jual arak... >>8



Sekat dominasi
peniaga warga
asing
>>9,10,11



Selamatkah
penggiat
seni? >>18

'DEMI KELANGSUNGAN HIDUP'
- EZZATY ABDULLAH

Lesen bukan alasan untuk menghukum penjaja

DARI MUKA HADAPAN

ANNUAR menekankan pendekatan kemanusian di dalam penguatkuasaan undang-undang.

Biarpun Che Nah (atau mana-mana penjaja lain) berniaga tanpa memiliki lesen yang sah, perkara itu bukanlah menjadi alasan untuk menghukum atau mendenda mereka yang mencari rezeki.

"Kita ambil mudah pendekatan wanita ini yang berusaha keluar

untuk mencari rezeki. Dia sanggup keluar bekerja. Kita lebih risau golongan yang tak nak bekerja. Keperitan dia kehilangan suami yang menjadi peneman setia tidak mematahkan semangatnya.

"Jika dahulu, arwah suami dia yang membawa van, tapi kini dia yang terpaksa bawa sendiri. Bukan itu sahaja, dia jugalah yang membuat kuih pada waktu malam dan sebagainya. Jadi tak usahlah kita halau dia berniaga di situ," ujar Annuar dalam siaran FB Live

beliau 3 Jun lalu.

Prihatin di atas nasib warga emas tersebut, Annuar sendiri memohon lesen penjaja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi memudahkan Che Nah mencari rezeki.

"Saya gembira mendengar dia mampu mendapat jualan lebih RM500 sehari dan harap terus berjaya. Insya-Allah saya sendiri akan menyerahkan lesen tersebut kepada Che Nah dalam minggu ini juga," luah Annuar. **WK**



INILAH food truck Che Nah yang menjual nasi dagang di Jalan Setia Bakti, Bukit Damansara.

Mencari jalan keluar dari 'miskin baru'

Oleh NAZWIN NAZRI
winwilayahku@gmail.com

TIDAK dinafikan, penularan wabak Covid-19 di seluruh dunia mengakibatkan ekonomi setiap negara merundum sehingga beberapa negara bertindak menggunakan duit rizab kerajaan bagi membantu rakyat yang terjejas.

Penularan itu memberi kesan kepada setiap lapisan masyarakat, malah menjadikan golongan miskin bertambah yakni mereka ini dikategorikan sebagai 'miskin baru'.

Lambakan miskin baru ini disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan mengekang masyarakat untuk menjalankan aktiviti harian mahu pun sebarang bentuk pekerjaan, kerana tujuan utamanya mahu memutuskan rantaian wabak.

Golongan yang dikategorikan



sebagai miskin baru ini lahir daripada individu berpendapatan sederhana (M40) dan kebanyakannya pekerja swasta yang diberhentikan kerana syarikat tidak mampu menampung kos sehingga terpaksa gulung tikar selain ada yang diberi setengah bulan gaji serta cuti tanpa gaji.

Bagaimanapun, apa yang lebih membimbangkan adalah, bagaimana kewangan semasa dipulihkan semula. Adakah perlu menunggu wabak Covid-19 ini haps terlebih dahulu?

Menurut Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob dari Putra Business School@Universiti Putra Malaysia (UPM), bagi memulihkan semula ekonomi, individu terlibat perlu berhadapan dengan perubahan 180 darjah yang berlaku sekali gus mengatasi kemerlu yang melanda termasuk merebut peluang dalam 'gig economy'.



GIG economy antara cara baharu untuk jana pendapatan masa kini. - Gambar hiasan.

"Mereka boleh menjadi rider atau dispatch makanan seperti Grabfood dan Food Panda. Boleh juga meniaga makanan atas talian atau mempergunakan pengalaman yang ada untuk membuat perniagaan kecil-kecilan."

"Boleh juga mengembangkan hobi yang menjana pendapatan baharu. Maknanya mereka

perlu menukar kemahiran dan meneroka peluang baharu di samping bersedia mengambil risiko," katanya kepada *Wilayahku*.

Menangkakkan lebih 50 peratus daripada jumlah pekerja daripada golongan M40 dikategorikan miskin baru, ujar Abu Sofian, mereka yang paling

terkesan adalah penduduk di bandar.

"Ada yang bergantung hidup kepada pendapatan sedia ada dan juga bantuan kerajaan seperti BSH dan BPN. Adakah ini memadai? Tentu tidak sebab kehidupan memerlukan wang," ujarnya sambil menyatakan golongan terlibat untuk membuat perubahan drastik demi kelangsungan hidup.

Bagi Penganalisis Ekonomi Putra Business School (PBS), Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff pula, bantuan kerajaan atau mana-mana pihak amat diperlukan bagi memastikan mereka yang terjejas memperoleh pekerjaan yang setimpal dengan kemahiran dan latar belakang pendidikan.

Tambah beliau, kerajaan juga boleh membantu menyediakan latihan atau kursus lanjutan supaya individu terlibat mampu mendapatkan pekerjaan yang memberi pulangan yang cukup untuk menampung kos sara hidup sekali gus meningkatkan semula kualiti hidup. **WK**

Golongan belia terkesan teruk

PENULARAN wabak Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), mengakibatkan kadar pengangguran di Malaysia meningkat tinggi pada masa ini.

Ia berikutan kebanyakan pekerja khususnya dalam sektor swasta diberhentikan kerja kerana syarikat tidak mampu menanggung kos yang tinggi apabila tidak mempunyai pendapatan.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Jufitri Joha berkata, turut terkesan adalah golongan siswazah kerana

berdasarkan unjuran laporan Khazanah Research Institute (KRI) 2020, seramai 286,800 graduan terpaksa bersaing sengit untuk mendapatkan pekerjaan dengan pengangguran sedia ada yang semakin meningkat.

"Mengikut Ketua Perangkawang Negara, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin juga, kategori penganggur bagi kumpulan umur belia 15 hingga 30 tahun mencatatkan kadar pengangguran tertinggi iaitu 6.9 peratus



diikuti 31 hingga 45 tahun (1.4 peratus) dan 46 hingga 64 tahun (1.1 peratus).

"Berdasarkan aduan yang diterima MBM, belia yang terkesan teruk adalah mereka yang di dalam sektor penaja kecil, berpendapatan berdasarkan 'job' seperti belia seni kreatif, perusahaan kecil sederhana (SME) dan berpendapatan harian seperti pendawaian elektrik," katanya kepada *Wilayahku*.

Menurut Jufitri, dalam keadaan semasa ini, lebih

malang sekali apabila sebahagian besar golongan belia tidak mempunyai tabungan yang boleh bertahan jika berlaku perkara-perkara yang tidak diingini.

Malah, katanya, mereka juga tidak dilindungi sebarang sekuriti sosial seperti insuran, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Skim Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Justeru ujar beliau, bagi generasi Z yang lahir selepas 1995 dan mempunyai sikap adaptasi kepada platform digital

era Revolusi 4.0 yang tinggi, mereka boleh menggunakan kemahiran yang ada untuk menjana pendapatan, mencari idea dan mencipta inovasi baru.

"Belia juga disaran membuat diri dengan ekonomi lejang atau 'gig economy' iaitu membuat pelbagai kerja dalam satu-satu masa," katanya.

Tambah Jufitri, memahami masalah semasa, MBM juga menyediakan beberapa inisiatif untuk membantu golongan sasaran seperti Relawan MBM (RM). **WK**

Pemandu mabuk

Beku lesen baru jual arak...

SEJAK akhir-akhir ini hampir setiap hari media malaporkan mengenai kemalangan yang melibatkan pemandu mabuk.

Carian Wilayahku di internet memaparkan sekurang-kurangnya 20 kes kemalangan melibatkan pemandu mabuk direkodkan sejak awal tahun 2020 yang disiarkan media massa.

Kejadian terbaru pada 1 Jun lalu, selepas seorang lelaki maut dirempuh sebuah kendaraan dipandu individu mabuk

di Lebuhraya Sultan Iskandar (Lebuhraya Mahameru) menghalau ke ibu negara.

Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri TPr Annuar Musa mencadangkan supaya kerajaan membekukan pengeluaran lesen baharu penjualan arak sehingga satu garis panduan dan semakan perundungan dapat dilakukan.

Beliau berkata, lesen premis yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) terhadap kedai-kedai menjual alkohol juga perlu diperketatkan susulan berlakunya kemalangan jalan raya melibatkan pemandu mabuk.

“Dengan berlakunya kejadian pemandu mabuk dan menyebabkan kemalangan adalah wajar pengeluaran lesen baharu menjual arak dibekukan sehingga satu garis panduan dan semakan perundungan dapat dilakukan. Lesen premis PBT perlu diperketatkan,” katanya menerusi ciapan di Twitternya.

Berikut itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)



KEJADIAN membabitkan pemandu mabuk melanggar penunggang motosikal di Lebuhraya Sultan Iskandar 1 Jun lalu yang mengakibat kemalangan mencetuskan kemarahan orang ramai. - Gambar Facebook

dalam pemberitahuan pada 2 Jun memaklumkan semua permo-honan baharu Lesen Minuman Keras dibekukan serta-merta.

Pemakluman yang dikeluaran oleh Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja DBKL itu menegaskan tindakan penguasaan akan diambil terhadap mana-mana premis yang menjalankan aktiviti penjualan minuman keras tanpa lesen.

Sebelum itu, pada 30 Mei, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengarahkan Kementerian Pengangkutan untuk merangka pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) supaya hukuman lebih berat dikenakan terhadap individu yang disabitkan dengan kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah.

Muhyiddin berkata, arahan itu sebagai maklum balas kepada keresahan rakyat mengenai kes kemalangan akibat pemandu mabuk yang mana statistik polis sepanjang lima bulan pertama tahun ini sebanyak 21 kes

membabitkan pemandu mabuk dicatatkan yang mana lapan mangsa meninggal dunia.

Katanya, perkara itu sangat membimbangkan kerana jumlah yang direkodkan dalam tempoh lima bulan ini mengham-piri keseluruhan 23 kes yang dicatatkan sepanjang tahun lalu.

“Saya memandang berat bilangan kes kemalangan jalan raya akibat pemandu mabuk yang di-lihat semakin membimbangkan kebelakangan ini.

“Sebagai ketua kerajaan yang juga seorang bapa, saya me-mahami keresahan rakyat dan keluarga mangsa kemalangan yang mahu kerajaan bertindak tegas menangani perkara ini,” katanya.

Mengikut peruntukan un-dang-undang semasa, individu yang memandu dalam keadaan bahaya sehingga menyebabkan kemalangan boleh dihukum mengikut Seksyen 41 akta berkenaan, yang memperuntukkan hukuman penjara minimum antara dua hingga sepuluh tahun dan denda

antara RM5,000 dan RM20,000.

Mengikut Seksyen 44 pula, in-dividu yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah sehingga menyebabkan kematian atau kecederaan, boleh dihukum penjara antara tiga hingga se-puluh tahun dan didenda antara RM8,000 dan RM20,000.

Menteri di Jabatan Per-dana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Taki-yuddin Hassan, berkata pindaan kerajaan akan mengambil langkah segera bagi memastikan cadangan pindaan Akta 333 yang dimuktamadkan oleh Ke-menterian Pengangkutan dibawa ke sidang Parlimen dalam tem-poh terdekat.

“Kerajaan juga amat me-nyokong cadangan Kementerian Pengangkutan untuk menet-apkan hukuman penjara mandatori terhadap pemandu yang ditahan kerana memandu dalam keadaan mabuk (Seksyen 45) meng-ikut peruntukan sedia ada masih merupakan kuasa budi bicara mahkamah,” katanya.

Takiyuddin berkata, dengan meningkatkan kadar denda dan hukuman penjara selepas pindaan dibuat, Jabatan Peguam Negara boleh mendakwa pesalah di Mahkamah Sesyen yang mem-punyai bidang kuasa yang lebih tinggi.

Sebagai langkah pencegahan, beliau berkata, pihak kerajaan akan berbincang dengan Ja-batan Peguam Negara supaya kes membabitkan kemalangan ang-kara pemandu mabuk turut disiasat dan dituduh mengikut Kanun Keseksian termasuk Seksyen 302 iaitu menyebabkan kemalangan dengan sengaja atau Seksyen 307 iaitu cubaan mem-bunuhan dengan niat. WK

ANNUAR

Netizen cadang Malaysia contohi Jepun

BUKAN kali pertama kes pemandu mabuk yang meragut nyawa orang dibincangkan. Setakat tahun ini sahaja, ada 21 kes mem-babitkan pemandu mabuk yang dilaporkan oleh media massa.

Antara yang menarik perhatian adalah tweet dari akaun Twitter @drfitriyusof yang berkongsi bagaimana kerajaan Jepun meng-hukum pemandu mabuk yang diletakkan di bawah dua kategori.

“Memandu di bawah pengaruh alkohol atau ‘driving under influence’ (DUI), jika pemeriksaan alkohol menunjukkan 0.15 miligram (mg) bagi seliter nafas, mereka boleh dikenakan penjara tiga tahun dan den-da 500,000 Yen (RM20,000).

“Memandu ketika mabuk pula atau ‘dri-

ving while intoxicated’ (DWI), pemandu boleh dipenjara lima tahun dan denda 1 juta Yen (RM40,000).

“Jika memandu ketika DUI dan DWI yang mengakibatkan kemalangan lebih keras. Jika akibatkan kecederaan penjara 15 tahun dan kemalangan pula 20 tahun,” tulisnya.

Berbanding Malaysia, menerusi Akta Pen-gangkutan Jalan 1987, di bawah Seksyen 44, pemandu yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah cuma di penjara minimum tiga tahun dan maksimum 10 tahun.

Denda pula sehingga RM20,000 atau kedua-duanya sekali. Takrifan di bawah pe-nagaruh alkohol pula 80mg alkohol dalam 100 mililiter (ml) darah.

Seorang lagi pengguna Twitter Syafa

Azwan (@yafaazwan) menulis, pencegahan kesalahan memandu ketika mabuk di Jepun bukan sahaja dilakukan kerajaan semata-mata.

Bahkan, turut mendapat kerjasama dari-pada pengusaha-pengusaha kedai dan restoran yang menyediakan hidangan minu-man keras kepada pelanggan mereka.

Sempat menjalani latihan selama tiga bulan di Jepun. Ya, sangat ketat kalau hendak mabuk. Mereka akan isi borang jika mahu mabuk ataupun tidak malam itu.

“Mereka perlu maklum penggunaan pengangkutan untuk pulang. Guna pengangkutan awam, jalan kaki atau isteri ambil. Ataupun ada seorang yang tidak mabuk akan meman-du,” katanya. WK

Info Laporan kemalangan pemandu mabuk 2020

1 Jun 2020 - Lebuhraya Sultan Iskandar (Lebuhraya Mahameru) Kuala Lumpur - satu maut motosikal (Food Panda)

31 Mei 2020 - Jalan Raja Syed Saffi, Bintong, Kangar, satu cedera parah

30 Mei 2020 - Queensbay, Bayan Baru - warga emas mabuk langgar sekatan polis

29 Mei 2020 - Lebuhraya Persekutuan hala ke Kuala Lumpur - satu maut, satu parah (pekerja syarikat kurier)

25 Mei 2020 - Jalan Pintasan Kuantan-lawan arus - satu maut (pekerja Alam Flora)

22 Mei 2020 - Tapak penjaja Pekan Bukit Sentosa, Rawang, lima mangsa dua cedera (mengamuk)

3 Mei 2020 - Plaza Tol Kajang Selatan, Lebuhraya LEKAS rempuh sekatan polis, seorang anggota polis maut

25 April 2020 - Jalan Muhibbah Lahad Datu - langgar anggota Pasukan Gerakan Am (PGA), mangsa parah

9 April 2020 - Lebuhraya Sprint menghalau Plaza Tol Damansara, Petaling Jaya - langgar sekatan polis

21 Februari 2020 - Jalan Kampung Baru, Bukit Mertajam - langgar pintu bank

19 Februari 2020 - Alor Setar-empat sekeluarga dirempuh, ibu dan bayi parah

16 Februari 2020 - Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS) susur keluar Plaza Tol Pajam - satu maut, empat cedera

16 Februari 2020 - Lebuhraya Persekutuan hala ke Kuala Lumpur - kereta peronda polis dirempuh

9 Februari 2020 - Lebuhraya Utara Selatan, susur ke Perai di Bukit Mertajam, Pulau Pinang-suami, isteri maut tinggalkan lima anak kecil.

5 Februari 2020 - Langgar MPV polis di Lebuhraya Grand Sepadu, Shah Alam

1 Februari 2020 - Langgar ahli keluarga anggota bomba di Kuching, Sarawak

27 Januari 2020 - Langgar 11 kenderaan Flat Taman Kota Pandamar 2, Pelabuhan Klang

25 Januari 2020 - Jalan Ayer Itam, Georgetown - satu cedera parah, satu cedera

* Penyelidik akbar Wilayahku